



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

TERTAKLUK DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON:

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- b) Permohonan hendaklah dikemukakan secara **atas talian (online) sahaja** melalui portal MBPJ www.mbpj.gov.my. Sila muat turun tatacara permohonan jawatan kosong;
- c) Permohonan daripada **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan-badan Berkanun mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan bersama Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;
- d) Calon **tidak perlu menghantar** salinan sijil akademik, sijil-sijil lain atau resume **sehingga dihubungi** untuk temu duga;
- e) Borang permohonan atas talian yang **tidak lengkap akan ditolak**;
- f) Hanya calon-calon yang **disenarai pendek dan layak** sahaja akan dipanggil ke peringkat seterusnya;
- g) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan tidak berjaya**;
- h) Perbelanjaan untuk menghadiri temu duga ditanggung sendiri oleh pemohon.

**KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK NEGERI SELANGOR ATAU IBU/ BAPA
DILAHIRKAN DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

TARIKH BUKA IKLAN : 6 JANUARI 2026

TARIKH TUTUP IKLAN : 20 JANUARI 2026

Iklan pengisian jawatan dipaparkan di portal Majlis Bandaraya Petaling Jaya
www.mbpj.gov.my